buletin Mutiara
PERCUMA
Cekap Akauntabel Telus
16 –30 SEPTEMBER 2012
http://www.facebook.com/buletinmutiara
http://www.facebook.com/cmlimguaneng

# Tanah oh Tanah...

**GEORGE TOWN -** Semakin rancak fitnah dilemparkan kepada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat berhubung isu penjualan tanah negeri, semakin jelas fakta sebenar dirungkai bahawa tindakan tersebut sebenarnya berlaku ketika pemerintahan kerajaan lama, Barisan Nasional (BN).

Terbaru adalah berhubung dakwaan bahawa Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) kononnya tergadai sekiranya dibiarkan kepada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) adalah fitnah semata-mata.

Menjawab fitnah tersebut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wei Aik menyatakan bahawa peratusan pemilikan menara *(tower)* oleh PDC adalah sebanyak 42.95 peratus, manakala bagi podium (37.59 peratus). Selain itu, tanah di pembangunan fasa 5 berkeluasan 4.5 ekar juga masih dimiliki PDC.

"Mengikut rekod PDC, status pemilikan terkini bagi fasa-fasa melibatkan pembangunan adalah sebagaimana tersenarai. Hartanah-hartanah tersebut telah dijual oleh PDC kepada pihak-pihak terlibat sebagaimana dinyatakan.

- Dijual kepada Komtar Hotel Sdn. Bhd. pada 22 Ogos 1983 untuk membina Hotel Shangri-La atau kini dikenali sebagai Hotel Traders.
- Dijual kepada Idris Hydraulic Properties Sdn. Bhd., 11 Julai 1995 yang kini dibangunkan pusat membeli-belah *1st Avenue*.
- Dijual kepada Metrojaya Sdn. Bhd., 27 Mac 1990 untuk pembangunan Metrojaya.

"Jika nak dakwa PR jual banyak aset dan hartanah, situasi ini sebenarnya telah lama terjadi. Data-data ini membuktikan bahawa lebih separuh dari Komtar telah dijual sejak pemerintahan kerajaan lama," tegasnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow.

Wei Aik memberitahu, pelan asal fasa 3 (kini *1st Avenue*) merupakan projek rumah pangsa 17 tingkat.

"Tapak asal *Prangin Mall* (4B) juga merupakan lokasi asal cadangan mendirikan bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN), tetapi juga telah dijual. Tapak asal *1st Avenue* pula adalah untuk pembinaan rumah murah yang juga mengalami nasib sama," jelas beliau.

Sementara itu, bagi pembelian dan penjualan tanah serta hartanah Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Kon Yeow menjelaskan bahawa sehingga kini, rekod MPPP menunjukkan bahawa majlis memiliki 818 lot tanah dengan keluasan keseluruhan 45,107,581 kaki persegi (1,035.5 ekar) dengan anggaran nilai pasaran semasa sebanyak RM3.1 bilion.

"Tanah-tanah tersebut diperoleh melalui pembelian, pengambilan balik di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960, gantian unit-unit oleh pemaju, pindah milik oleh pemaju kerana mematuhi kehendak di bawah syarat-syarat Pelan Kebenaran Merancang (Perjanjian Namaan RM1.00)

"Malah, tanah-tanah majlis ini antaranya adalah untuk kegunaan pelebaran jalan, kompleks pasar awam/penjaja/dewan masyarakat, taman rekreasi/riadah, lorong belakang, perdagangan, kuarters, perumahan, stesen janakuasa, tanah kubur dan lain-lain," ujar beliau.

Tambah beliau, mengikut rekod, sejak tahun 1990 hingga 2012, MPPP telah membelanjakan RM 44,136,023 untuk tujuan pengambilan balik sebanyak enam lokasi (tujuh lot) tanah dengan keluasan 177.2620 ekar.

"Mengikut rekod tempoh sama, sebanyak sembilan lokasi (16 lot) (termasuk dua hak milik strata) berkeluasan 9.4113 ekar telah dijual Majlis dengan memperoleh bayaran berjumlah RM29,436,804 hasil pelupusan berkenaan," kata Kon Yeow.

Beliau menegaskan bahawa penjualan yang dilakukan bukannya untuk tujuan suka-suka atau hendak cari untung semata-mata, sebaliknya, ia bagi menampung kos RM40.160 juta bagi menaiktaraf projek awam seperti Taman Rekreasi Balik Pulau, pasar baru untuk Teluk Kumbar, Kompleks Bayu Senja, dan pelebaran Jalan Masjid Negeri.

"Bagi semua urusan pembelian tanah (sama ada pembelian terus atau pengambilan balik) dan penjualan tanah atau premis perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan dan keputusan perlu disahkan dalam Mesyuarat Biasa Majlis.

"Bagi pelupusan atau penjualan tanah, ia perlu mendapat kebenaran daripada Kerajaan Negeri seperti yang diperuntukan dalam Seksyen 101 (r) Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan semua penjualan tanah atau premis perlu melalui proses tender terbuka," ujarnya.




**BANGUNAN Dewan Bandaran diserikan dengan cahaya lampu berwarna-warni pada Sambutan Hari Malaysia dan Persembahan Cahaya & Irama Raya Peringkat Negeri Pulau Pinang menggunakan teknologi *3D video projection mapping* di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.**

# RM1.5 juta naik taraf Kompleks Bukit Gedung



KOMPLEKS Bukit Gedung berwajah baru.

**BATU MAUNG** - Pengubahsuaian Kompleks Bukit Gedung, di sini yang siap dibina seperti yang dijadualkan menjadi satu lagi rekod urus tadbir cekap oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa merasmikan pembukaan kompleks tersebut berkata, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telahpun memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta bagi memperbaiki 56 gerai daif serta kemudahan asas lain di situ demi kepentingan rakyat.

"Saya berharap aspek kebersihan dapat diutamakan oleh peniaga. Kompleks yang sebegitu cantik ini, bolehlah saya samakan dengan taraf yang sama dengan kompleks makanan di negara Korea.

"Ini juga merupakan bukti Kerajaan Negeri PR memberi perhatian kepada peniaga-peniaga kecil macam ini.

"Saya juga 'cemburu' melihat keindahan kompleks ini sebab kawasan saya sendiri pun tiada macam ini," beliau berseloroh disambut ketawa warga setempat yang hadir.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas) dan Datuk Ar. Patahiyah Ismail (Yang Dipertua Majlis bagi MPPP) turut hadir pada majlis keraian itu.

Sebelum itu, Abdul Malik berkata, kompleks tersebut boleh disifatkan antara medan makanan terbaik di Pulau Pinang memandangkan lokasi medan tersebut berdekatan *'Free Industrial Zone'*.

Manakala, Patahiyah pula memaklumkan bahawa usaha memulihara serta memelihara medan-medan makan yang lain sedang diusahakan secara berperingkat demi kepentingan rakyat.

Dalam perkembangan sama, Patahiyah melahirkan ucapan tahniah kepada kontroktor berwajib kerana berjaya menyiapkan kerja-kerja pengubahsuaian 10 hari dari tarikh yang dijadualkan.

Difahamkan, proses pengubahsuaian kompleks tersebut yang bermula pada November tahun lepas dijadualkan siap pada 5 November ini.

Usaha-usaha menaik taraf kompleks tersebut dituntut oleh pihak berwajib sejak tahun 1999 lagi, iaitu semasa Barisan Nasional (BN) masih menguasai Kerajaan Negeri.

Namun, Kerajaan Negeri hari ini melalui MPPP berjaya menunaikan hasrat peniaga berwajib dan rakyat setempat berkenaan.

Sementara itu, bagi peniaga roti canai kompleks, Farouk Mohamed Ismail, 67, yang telah lama menjalankan perniagaan di sana berharap perniagaan beliau akan bertambah maju dengan penaiktarafan yang dilakukan.

"Kompleks ini memang dah terkenal dalam kalangan pekerja kilang dan penduduk berhampiran sejak sekian lama.

"Diharap dengan wajah baru ini, lebih ram ai akan berkunjung ke sini," kata Farouk ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.



FAROUK Mohamed Ismail (kiri sekali) bersama ahli keluarganya.

**SINDIR MUTIARA**

Oleh: **SAM**



# Program Pelajar Emas direalisasikan

**INFO : PENDAFTARAN PROGRAM PELAJAR EMAS**
Borang pendaftaran boleh diperoleh di Pejabat ADUN, Ahli Parlimen dan Pegawai Penyelaras KADUN. (Borang yang lengkap perlu dikembalikan kepada pihak sama).

**Syarat-syarat pendaftaran Skim Pelajar Emas:**
- Terbuka kepada semua pelajar Tahun 1, Tahun 4, Tingkatan 1 & Tingkatan 4 yang bersekolah di negeri Pulau Pinang.
- Pelajar mestilah seorang warganegara Malaysia.
- Juga terbuka kepada sekolah-sekolah di kawasan sempadan negeri Pulau Pinang (sekolah berhampiran) dengan dikenakan syarat ibu atau bapa mestilah seorang pengundi berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR) di negeri Pulau Pinang.

**Dokumen-dokumen diperlukan :**
- Salinan Sijil Kelahiran pelajar (diwajibkan).
- Salinan kad pengenalan ibu dan bapa pelajar (diwajibkan).
- Salinan kad pengenalan pelajar (jika ada).

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PENGKALAN KOTA –** Seramai 224 pelajar dari kawasan Air Putih, Batu Feringghi, Batu Uban, Tanjong Bunga dan Paya Terubong menerima sumbangan RM100 Program Pelajar Emas pada majlis simbolik di Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Penyampaian tersebut sekaligus membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) menepati janji sebelum ini bahawa penyampaian sumbangan Program Pelajar Emas dilaksanakan pada 16 September bersempena sambutan Hari Malaysia.

Secara keseluruhan, seramai 110,000 pelajar negeri ini dan negeri-negeri sempadan (sekolah tersenarai) dengan peruntukan RM11 juta bakal menerima sumbangan khas berkenaan.

Rata-rata pelajar serta keluarga masing-masing melahirkan rasa syukur di atas inisiatif khas Kerajaan Negeri dan berharap bantuan sebegitu dapat diteruskan bagi mengurangkan bebanan ibu bapa berhubung keperluan persekolahan anak masing-masing.

Seorang suri rumah, Salina Yahya, 47, dari Batu Feringghi bersama anaknya, Adib Izzat Mohd. Nor, 13, menyatakan bahawa bantuan tersebut lazimnya meringankan beban beliau.

"Bantuan seperti ini memang besar maknanya kepada kami sekeluarga. Kakak dan suami (seorang nelayan) akan menggunakan sebaik mungkin sumbangan yang diberi untuk keperluan Adib,'' katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Nenek saudara kepada seorang pelajar Tahun 1 *Penang (Chinese) Girl School*, Dorothy Chew, 64, memuji inisiatif Kerajaan Negeri yang banyak membantu pada aspek kebajikan rakyat negeri ini.

"Tambahan pula, wang ini diberikan secara terus tanpa perlu melalui pihak ke tiga yang kadang-kala menyukarkan urusan,'' jelas beliau.

Turut bersetuju adalah ibu kepada T. Davesh, 10, iaitu D. Geetha, 31.

"Ini merupakan satu perubahan yang bagus dalam pentadbiran Kerajaan Negeri sekarang kerana ia dapat meringankan beban rakyat yang terpaksa berhadapan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat.

"Saya akan gunakan wang ini sebaik mungkin bagi perbelanjaan anak saya," jelasnya.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyelar Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Wee Ka Siong kerana enggan bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri dalam menjayakan program berkenaan.

"Perbezaan ideologi politik bukan menjadi masalah dan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak pernah mengamalkannya.

"Bantuan ini juga bukan sahaja memberi manfaaat kepada pelajar, malah, peniaga-peniaga pun akan dapat manfaat kerana wang ini akan dibelanjakan di dalam negeri sahaja. Wang itu akan 'berpusing' di dalam negeri dan ekonomi kita terjaga. Kita kongsi sama kongsi, baru boleh untung," ujar beliau.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman turut menegaskan bahawa, Pulau Pinang bukanlah negeri yang kaya dengan sumber komoditi seperti negeri-negeri lain, namun, pengurusan ekonomi yang cekap memacu kita ke arah negeri yang cemerlang.

Sehingga tarikh 20 September lalu, seramai 35,562 pelajar telah mendaftar di bawah Program Pelajar Emas.



**MANSOR Othman (kanan sekali) menyampaikan sumbangan Program Pelajar Emas kepada salah seorang penerima di sini baru-baru ini.**



**EXCO Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi (kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pelajar.**

## SAMBUTAN HARI MALAYSIA PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG.



SAMBUTAN di puncak Bukit Bendera.



TRANSFORMASI Bangunan Perbandaran dengan Cahaya & Irama Raya sempena sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang.



# Sebangsa, Sejiwa, Senegara

**MERIAH & PENUH BERMAKNA...** Sambutan Hari Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang disambut dengan meriah dan penuh bermakna dalam dua majlis berasingan yang diadakan di sini baru-baru ini.

Simbolik sambutan yang diadakan di puncak Bukit Bendera adalah dengan melepaskan 49 ekor burung merpati oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Exco Kerajaan Negeri.

Dalam pada itu, kemuncak sambutan adalah acara khas yang dilangsungkan di Padang Kota Lama di sini. Dengan teknologi *3D video projection mapping* yang dibawa *Penang Global Tourism*, Bangunan Dewan Bandaran bertukar wajah dengan sinaran cahaya lampu pelbagai warna.

Turut diumumkan pada majlis tersebut adalah pemenang-pemenang perarakan Ulang Tahun Kemerdekaan Ke-55 baru-baru ini.

Pejabat Pengarah Tanah & Galian Pulau Pinang menjuarai kategori sektor awam; Telekom Malaysia Bhd. (kategori swasta & pertubuhan bukan kerajaan); Universiti Teknologi Malaysia Pulau Pinang (kategori institusi pengajian tinggi & latihan); Kor Kadet Polis Sekolah Menengah Chung Ling (kategori badan beruniform sekolah) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Cina) Pulau Pinang (kategori pancaragam sekolah).

Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas dan barisan Exco Kerajaan Negeri turut hadir menyerikan majlis diadakan.



AHLI Majlis MPPP yang hadir di Padang Kota Lama.



DIF-dif jemputan kehormat yang menyerikan malam sambutan Hari Malaysia di Padang Kota Lama.



GOLONGAN kanak-kanak juga tidak melepaskan peluang menyertai sambutan Hari Malaysia di Bukit Bendera.



HADIRIN yang turut serta dalam majlis sambutan khas.

# SEKITAR RUMAH TERBUKA AIDILFITRI 2012.



**PELBAGAI juadah di Rumah Terbuka Bahagian Khidmat Pengurusan & Kewangan dan Bahagian Komunikasi Korporat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.**




**KETUA Menteri bergambar bersama-sama tetamu yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka DUN Air Putih.**



**KAKITANGAN *Halal Hub* pada Majlis Rumah Terbuka anjurannya.**



**PASUKAN kerja Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri dengan aksi ceria di majlis anjurannya.**



**PENGARAH Perkhidmatan, Perbandaran, Kesihatan & Perlesenan MPPP, Dr. R.R. Judy Shoba Naidu (dua dari kanan) bergambar kenang-kenangan di Majlis Rumah Terbuka MPPP.**




**PARA pegawai dan kakitangan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sibuk menyediakan sajian makanan untuk hadirin yang hadir.**



**PASUKAN kerja yang menjayakan Majlis Rumah Terbuka Bahagian Dewan Undangan Negeri Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.**



**TIMBALAN Pegawai Kewangan Negeri, Hashimah Mohamed Hashim (kiri sekali) bersama pasukan kerja di Majlis Rumah Terbuka Jabatan Kewangan Negeri.**

# Jambatan Kedua siap September 2013



LIM Hock Seng (tengah), Hamizol Ngah (kanan) dan Fang Zhen Ru menunjukkan tanda sepakat pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang kini adalah dua peratus mendahului jangka masa ditetapkan dan dijangka siap sepenuhnya pada September 2013.

Pengarah Pembinaan Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB), Hamizol Ngah berkata, peratusan tersebut turut meliputi bahagian *inter-change* membabitkan kawasan Batu Maung, Bayan Lepas dan Batu Kawan, Seberang Perai Tengah (SPT).

"Sehingga kini, kita telah mencapai 82 peratus iaitu dua peratus mendahului jangka masa ditetapkan.

"Semuanya akan siap pada September 2013 dan tarikh pembukaan untuk kegunaan umum akan ditentukan oleh pihak kerajaan (kerajaan pusat) kelak," katanya pada majlis sidang media diadakan khas bagi mengulas kejadian runtuhan jambatan di Harbin, China di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom), Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi), Lim Hock Seng, Pengurus Kanan JKSB, Azmi Mohamad dan Pengarah Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang dari syarikat CHEC Construction (M) Sdn. Bhd., Fang Zhen Ru.

Hamizol memberitahu, Jambatan Kedua Pulau Pinang yang direkabentuk oleh syarikat *China Highway Planning and Design Institute Consultants Co. Ltd (HPDI)* dengan kolaborasi bersama AECOM Hong Kong mempunyai kapasiti tampungan muatan 180 ton pada semua bahagian jambatan pada satu-satu masa.

"Malah, ia juga direkabentuk untuk menahan muatan gempa bumi bagi tempoh 475 tahun tempoh berulang dan 2,500 tahun tempoh berulang gempa bumi dengan 'kriteria tiada runtuhan'," jelas beliau sambil menyatakan bahawa jangka hayat Jambatan Kedua Pulau Pinang adalah selama 120 tahun.

Mengulas lanjut mengenai kejadian runtuhan jambatan di Harbin, Hock Seng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah menulis surat kepada Menteri Kerja Raya untuk menjalankan audit keselamatan terhadap Jambatan Kedua Pulau Pinang dan pakej-pakej lain sebagai jaminan keyakinan kepada semua pihak.

"Ini adalah ekoran khabar angin menyatakan bahawa syarikat yang bertanggungjawab sepenuhnya dengan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang merupakan syarikat sama terlibat dalam pembinaan jambatan di Harbin," ujar Hock Seng.

Bagaimanapun, siasatan lanjut menunjukkan bahawa syarikat CHEC Construction (M) Sdn. Bhd. tidak terlibat langsung dengan pembinaan Jambatan Yangmingtan di Horbin.

Dalam kejadian baru-baru ini, Jambatan Yangmingtan di provinsi Horbin runtuh dan menyebabkan tiga terbunuh dan enam lain cedera. Jambatan tersebut merupakan paling panjang dibina merentasi sungai di utara China dan mula digunakan sejak 6 November 2011.

# Pasar Jalan Kuantan dinaiktaraf selepas 80 tahun

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**DATOK KERAMAT –** Setelah hampir 80 tahun, atas inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), akhirnya, Pasar Awam Jalan Kuantan yang mula beroperasi sekitar tahun 1930-an bakal dinaiktaraf buat julung kalinya.

Projek naiktaraf yang bakal menelan belanja RM450,000 tersebut merupakan pasar awam keenam dinaiktaraf MPPP selain Pasar Awam Batu Maung, Pasar Awam Ayer Itam, Pasar Awam Lebuh Cecil, Pasar Awam Pulau Tikus dan Pasar Awam Jelutong sebelum ini.

Kerja-kerja penaiktarafan adalah merangkumi pembinaan 48 unit gerai *'lock up'* baru (dibahagi sama rata antara bahagian dalam dan luar bangunan), *'ramp'* (3 unit), 22 unit kaunter di bahagian sayur-sayuran dan mengecat semula bangunan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kos untuk menaiktaraf pasar tersebut adalah hasil daripada lebihan bajet MPPP.

"Lebihan dalam bajet telah membolehkan projek-projek infrasturuktur dan penaiktarafan dijalankan bukan sahaja bagi pasar-pasar awam, malah, longkang, taman hijau serta jalan.

"Penaiktarafan ini adalah berdasarkan kepada permintaan serta keperluan semasa para peniaga dan reka bentuk semula adalah bersesuaian dengan keadaan semasa,'' katanya ketika hadir pada majlis simbolik permulaan kerja-kerja pembinaan dan penaiktarafan Pasar Awam Jalan Kuantan di sini baru-baru ini.



CHOW Kon Yeow (depan, kiri sekali) meletakkan bata sebagai simbolik permulaan kerja-kerja pembinaan dan penaiktarafan Pasar Awam Jalan Kuantan di sini baru-baru ini.

Turut serta, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo; ADUN Komtar, Ng Wei Aik;Yang diPertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyyah Ismail Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MPPP, Ong Ah Teong dan wakil-wakil MPPP.




PERBANDINGAN keadaan Pasar Awam Jalan Kuantan sebelum dan selepas kerja-kerja menaiktaraf oleh MPPP.

# Kembalikan undi ke-3 P. Pinang

**PENGKALAN KOTA –** Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang meneruskan usaha bagi membolehkan pilihanraya kerajaan tempatan diadakan di negeri berkenaan.

Terbaru adalah inisiatif Kerajaan Negeri mendirikan papan iklan berhadapan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang bagi memberi penjelasan lebih lanjut kepada rakyat negeri ini berhubung hak masing-masing.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wei Aik berkata, enakmen untuk mengadakan pilihanraya kerajaan tempatan iaitu memilih ahli majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah diluluskan Kerajaan Negeri, tetapi malangnya kerajaan pusat 'menghalang' usaha tersebut.

"Pada tahun 1951, George Town merupakan bandaraya pertama mengadakan pilihanraya ahli majlis, justeru, tiada sebab ia tidak dapat dilakukan pada tahun 2012," ujarnya pada sesi sidang media khas di tapak papan iklan di sini baru-baru ini.

Turut hadir, ahli-ahli majlis MPPP yang turut memberi sokongan terhadap inisiatif berkenaan.

Jelas Wei Aik, pada tahun 2009, papan tanda bermesejkan 'Anti ISA' yang dipasang di lokasi sama berjaya mencapai matlamatnya apabila akta tersebut dimansuhkan kerajaan pusat.

"Walaupun ia (papan iklan) pernah dirosakkan pihak-pihak tertentu, namun, kami berjaya dengan 'kempen' tersebut," tegas beliau.

Dalam pada itu, Ahli Majlis MPPP, Havinder Singh menyatakan bahawa beliau sedia hadapi 'pilihanraya' terbabit sekiranya ia diadakan.

"Ini saya ibaratkan seperti 'imbangan duga' sebagai ahli majlis dalam menjalankan tugas diperuntukan. Undian rakyat dapat menentukan sama ada kami berada pada prestasi terbaik ataupun sebaliknya," jelasnya.




**NG Wei Aik (kiri sekali), Havinder Singh (tiga dari kanan) bersama-sama Ahli-ahli Majlis MPPP menunjukkan sokongan di papan iklan berhubung inisiatif Kerajaan Negeri mengadakan pilihanraya kerajaan tempatan di sini baru-baru ini.**

# Acara kebudayaan Iran rapat hubungan baik dua pihak

**JULUNG KALI...** Dengan kerjasama pihak Kedutaan Iran di Malaysia, *'Persian Cultural Night'* berorientasikan kebudayaan bagi memperkenalkan dan mempromosikan Iran sebagai sebuah negara yang bukan sahaja terkenal dengan kekayaan minyak, malah adat, budaya serta seni telah diadakan dengan jayanya di Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.



**SEBAHAGIAN pengunjung yang hadir memeriahkan penganjuran '*Persian Cultural Night*' yang julung kali diadakan di sini baru-baru ini.**

Ruang pemeran mempamerkan gambar serta hasil seni Iran cukup menggambarkan negara tersebut kaya dengan budaya dan warisan sebagaimana di negeri ini. Malah, beberapa bandar seperti Esfahan turut mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai Tapak Warisan dunia seperti George Town di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir memeriahkan penganjuran tersebut menyatakan bahawa acara berkenaan bakal membuka jalan persefahaman antara dua negara.

Dalam pada itu, Duta Iran ke Malaysia, Dr. Mohamad R.S Dolatabadi turut berharap usahasama tersebut dapat dipertingkatkan bagi merapatkan hubungan baik kedua-dua pihak.

Turut hadir, Exco Pembangunan, Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang, Timbalan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Organisasi Pelancongan Iran, Dr. Manouchehr Jahanian, Konsulat Jeneral Indonesia, Chillman Arisman, Konsulat Jeneral Thailand, Voradet Viravakin dan Konsulat British, Robert Hawkin.

# *Penang Heritage Square* kekalkan warisan negeri

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



**ORANG ramai yang hadir bagi meninjau cadangan pelaksanaan Penang Heritage Square di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bakal membangunkan projek fasa 5 Komtar kepada *Penang Heritage Square* membabitkan kawasan seluas 4.5 ekar di sini.

Menurut Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar, pembangunan fasa 5 tersebut bakal mengembalikan, menaikkan semula kerancakan pelancongan di George Town dengan promosi tapak warisan, 'kehidupan jalanan', kehijauan bagi memastikan pembangunan yang seimbang di sini.

"Sejajar dengan pengiktirafan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO dan inisiatif menjadikan Komtar pusat sosial-sivik serta hub perniagaan negeri, pembangunan *Penang Heritage Square* bakal merangkumi lima teras utama.

"Ia termasuk menaiktaraf dan memperbesarkan Pasar Sia Boey (Pasar Prangin), mewujudkan ruang urban, mewujudkan *Heritage Celebration Square* dan *George Town Heritage Centre (GHC)*, membaikpulih lot rumah kedai warisan lama dan pemulihan Sungai Prangin," katanya pada Pameran Cadangan Projek *Heritage Square* di Tingkat 3 Komtar di sini baru-baru ini.

Ruang pameran yang dirasmikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng adalah sebahagian daripada inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bagi mendapatkan maklum balas umum berhubung pelaksanaan projek berkenaan.

Berhubung cadangan projek pembangunan berkenaan, Rosli memberitahu bahawa, Pasar Sia Boey bakal diberi nafas baru dengan mempelbagaikan produk jualan kepada kraf tangan, cenderamata, bunga, dan makanan.

"GHC yang bakal diwujudkan adalah ekoran keperluan ruang awam yang lebih banyak untuk aktiviti rekreasi, berhimpun, sambutan dan persembahan kebudayaan bagi mempromosikan corak kehidupan sihat yang secara tidak langsung turut mempromosikan kebudayaan, seni dan tradisi di George Town.

"Bangunan usang di Jalan Maxwell juga akan dibangunkan dengan pelbagai lot kedai seperti kafe, muzium mini, pusat kraf tangan, butik dan hotel bertemakan warisan. Jalan beredekatan akan dihadkan kepada kenderaan dengan mengutamakan pejalan kaki," jelas beliau.

Tambahnya, kerancakan fasa 5 turut ditambah dengan pembinaan bangunan GHC lima tingkat berkonsepkan *'street plaza'* yang bakal menjadi lokasi aktiviti persembahan seni, budaya, warisan, komuniti dan belia.

"Komponen terakhir adalah membabitkan terusan Prangin (Sungai Prangin) yang bakal diperindahkan dengan landskap bagi mewujudkan zon makanan 'jalanan' dan perabot di sini," ujar Rosli.

Sebarang pertanyaan dan pendapat, sila layari *enquiry@pdc.gov.my*.

# Perjuangan 30 tahun tapak baru sekolah tertunai di bawah PR

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GELUGOR -** Perjuangan Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Subramaniya Barathee, di sini yang menuntut tapak sekolah baru sejak 30 tahun lepas akhirnya direalisasikan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyempurnakan majlis penyerahan tapak tanah baru itu baru-baru ini kepada pemilik bersama, iaitu Koperasi Serbaguna Sungai Gelugor dan Kuil Sri Veera Ma Kaliamman.

"Difahamkan, tapak (asal) itu terlalu kecil dan bangunan sekolah sudah tidak sesuai atau selamat untuk menjalankan aktiviti pendidikan.

"Perjuangan yang mereka lakukan sejak 30 tahun dahulu itu akhirnya telah membawa kita semua ke tapak ini pada hari ini," ujar beliau.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia, Sains, Terknologi dan Inovasi turut berucap pada majlis tersebut.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pembangunan Keusahawanan, Penerangan dan Warisan berkata, kebanyakan sekolah aliran Tamil di tanah air ini sejak 50 tahun lepas seakan kurang mendapat perhatian daripada pusat, khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia.

Malah, beliau berkata, kebanyakan sekolah aliran Tamil turut tidak mempunyai kemudahan untuk pendidikan komputer dan tadika.

Tuntas dari itu, beliau berkata, Jawatankuasa Khas Sekolah-Sekolah Tamil ditubuhkan oleh Ramasamy pada Mei 2008 dengan perutukan khusus sebanyak RM1.75 juta untuk keperluan 28 sekolah aliran Tamil di negeri berkenaan.



**TAPAK tanah baru yang disumbangkan Kerajaan Negeri.**



**SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Subramaniya Barathee pada majlis penyerahan tapak tanah baru di sini baru-baru ini.**

# Pekerja Am MPPP kemalangan terharu dikunjungi KM



**SANTHARA Sagaran (kanan sekali) dan isteri (dua dari kiri) menerima sumbangan Ketua Menteri sambil diperhatikan Patahiyah Ismail (kiri sekali) sempena lawatan khas beliau di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Seorang Pekerja Am Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang kemalangan semasa dalam tugas baru-baru ini mendapat perhatian kepemimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Santhara Sagaran, 57, yang berkhidmat dalam MPPP kira-kira 32 tahun dilaporkan melahirkan rasa terharu kerana Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri datang melawatnya di hospital swasta *Gleneagles*, di sini baru-baru ini.

Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Guan Eng kerana sanggup mengeluarkan dana peruntukan Ketua Menteri berjumlah RM1,000 untuk dirinya.

Bersama Ketua Menteri adalah Yang diPertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail.

Santhara berkata, kedua-dua belah kaki dan salah satu tangannya telah patah akibat dilanggar dek kereta Kancil dari arah bertentangan trafik dekat jalan Peel Avenue, di sini.

"Pekerja MPPP biasanya sapu jalan dari arah bertentangan dengan (laluan) trafik supaya dapat melihat (trafik kenderaaan) dengan lebih baik. Tetapi, malangnya (kereta) Kancil datang dari arah melawan trafik jalan lalu langgar saya," ujar beliau semasa ditanya oleh Guan Eng.

Beliau berkata, beliau kemudiannya dikejarkan ke Hospital Besar Pulau Pinang dan kemudian mengambil keputusan untuk mendapatkan rawatan di *Gleneagles* yang juga merupakan tempat isterinya bekerja.

# Abdul Malik tidak akan berganjak pertahan hak penduduk

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Pembangkang Pulau Pinang yang dibantu kira-kira 30 pemuda ala gangster dinasihat supaya "jangan main wayang" di sebalik insiden sekumpulan penduduk Melayu Batu Maung, Bayan Lepas yang diusir keluar dari kampung halaman mereka baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, pembeli tanah, Datuk Ab. Wahab Ibrahim dinasihat supaya terlebih dahulu menjelaskan mengenai status tanah pusaka berwajib yang kononnya telahpun dibelinya daripada pemilik asal tanah tersebut.

"Selagi keraguan transaksi penjualan tanah Lot 781, Lot 776, GM 497 Mk 12 (dekat) Daerah Barat Daya, Pulau Pinang belum terungkai, saya tidak akan berganjak mempertahankan hak mereka (penduduk)," ujar beliau pada majlis sidang media di Komtar di sini baru-baru ini.

Ab. Wahab yang juga bekas wakil rakyat UMNO dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Taman Medan, Selangor turut dinasihat untuk bersemuka secara jujur dengan kesemua penduduk berwajib serta Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi merungkaikan masalah yang berlanjutan sejak 10 tahun lepas.

Abdul Malik yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, beliau terpaksa campur tangan dalam masalah dihadapi rakyat di kawasan DUN diwakilinya demi memastikan mereka tidak dizalimi atau ditipu oleh mana-mana pihak.

Sebelum ini, Abdul Malik dilaporkan berdepan dengan tindakan ala samseng kira-kira 30 pemuda semasa cuba mempertahan hak penduduk berwajib di Batu Maung.

Abdul Malik mendakwa, pemuda-pemuda itu lengkap mamakai baju-t yang dikaburkan logo serta perkataan UMNO.

"Suasana agak tegang ketika itu, apabila pihak (pemuda) berkenaan berkeras untuk mengosongkan empat buah rumah penduduk yang membabitkan empat keluarga...sebahagian barang-barang telah dikeluarkan.

"Kekecohan itu terhenti kira-kira jam 1 petang apabila penduduk mendapat perintah injunksi Mahkamah sehingga 1 Oktober depan," ujar Abdul Malik.

Dalam perkembangan sama, difahamkan, penduduk asal serta waris-waris tanah pusaka tersebut telahpun membuat beberapa laporan polis mengenai tindak tanduk pihak Ab. Wahab.

Dalam laporan polis, waris serta penduduk terbabit menyatakan bahawa transaksi penjualan tanah seluas 1.6 ekar tersebut dibuat tanpa persetujuan serta pengetahuan mereka.

Malah kata mereka, Mahkamah Tinggi Shariah Pulau Pinang yang mendengar kes tersebut sendiri pun masih belum memutuskan waris sebenar bagi tanah pusaka itu.

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada 3 Mac tahun lepas turut membuat laporan polis supaya pihak tertentu yang didakwa melakukan unsur salah laku dan penipuan disiasat segera.

Lanjutan laporan itu, polis membuat "kaveat pendaftar" terhadap tanah-tanah berkenaan.



**ABDUL MALIK Abul Kassim mengemukakan bukti bergambar mengenai kumpulan pemuda yang terlibat dalam usaha mengusir penduduk Melayu Batu Maung berwajib di sini baru-baru ini.**




**BAJU-t putih yang dipakai kumpulan pemuda berkenaan.**

## Tinggalan minda penjajah, "Melayu terpinggir sebab Cina majoriti" mampu dihakis

**KEPALA BATAS -** "Melayu terpinggir sebab Cina majoriti" adalah tinggalan minda penjajah yang mampu dihakis daripada pemikiran rakyat Pulau Pinang sungguhpun Kerajaan Negeri pernah ditadbir oleh Barisan Nasional (BN) sebelum Pilihanraya Umum Ke-12 (PRU12) pada Mac 2008 lepas.

Ahli Lembaga *Penang Institute* (PI), Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa berkata demikian semasa mengupas mengenai forum '55 tahun kemerdekaan: Ke arah mana Melayu Pulau Pinang' anjuran PI.

"Betulkah orang Melayu Pulau Pinang sekarang ini terpinggir disebabkan Cina minoriti...(statistik) Jabatan Perangkaan Malaysia untuk tahun 2010 tunjuk orang Melayu sudah melebihi Cina.

"Di Kelantan, Melayu majoriti pun dipinggirkan oleh (kerajaan) pusat dan tak dapat hak royalti minyak disebabkan perbezaan pendapat politik selama lebih 20 tahun, tetapi mereka bertahan disebabkan (mereka) tolak suatu pemikiran yang mungkin serupa dengan maksud 'minda penjajah'.

"Mungkin, inilah minda penjajah yang sengaja ditanam secara berterusan di Pulau Pinang bagi mewujudkan perasaan saling berprasangka dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum di negeri ini, tetapi saya percaya umat Melayu di negeri ini mampu menolak pemikiran lama itu," ujar beliau pada penganjuran Forum 55 Tahun Kemerdekaan: Ke Arah Mana Melayu Pulau Pinang baru-baru ini di sini.

Forum selama hampir dua jam itu turut menampilkan Pensyarah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Senator Prof. Madya Ariffin Omar, Datuk Raja Munir Shah (Timbalan Ketua Bahagian UMNO Tanjong) dan Nik Nazmi Nik Ahmad (Ahli Dewan Undangan Negeri Seri Setia, Selangor) sebagai panelis.

Penyarah Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya Dr. Ahmad Fauzi Abdul Hamid bertindak sebagai moderator forum.

Difahamkan, statistik Jabatan Perangkaan Malaysia 2010 menunjukkan, dari keseluruhan 1,609,000 penduduk Pulau Pinang, 42.06 peratus adalah Melayu.

Manakala, Cina, India dan bangsa-bangsa lain masing-masing adalah 40.93 peratus (658,700), 155,600 dan 118,700.

Tuntas dari itu, Mujahid menggesa rakyat tanpa mengira kaum supaya membina minda baru yang lebih progresif dan konstruktif demi kepentingan rakyat terbanyak di negeri berkenaan.

"Pulau Pinang memerlukan polisi-polisi perbandaran dan pembangunan manusiawi baru, bukan sekadar lawan rasuah...tapi bagaimana warga tempatan boleh dikekalkan dalam perkembangan pembandaran moden yang sedang rancak dilakukan oleh Kerajaan Negeri sekarang ini.

"Melayu Pulau Pinang pun perlu suatu minda baru, iaitu bagaimana untuk mengukuhkan siasah mereka dalam Kerajaan Negeri baru yang sedia ada ini," ujar beliau.

# ‘Undang-Undang Anti Lompat Parti’ daulat integriti politik - KM



**KETUA Menteri bersama pucuk pimpinan Kerajaan Negeri menunjukkan tanda kesepakatan sempena Majlis Jamuan Hari Raya serta Wacana Mengenai Undang-Undang Anti Lompat Parti di sini baru-baru ini.**

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekali lagi cuba mencipta sejarah dengan mewujudkan Undang-Undang Anti Lompat Parti ke arah merealisasikan polisi integriti di negeri berkenaan.

Cadangan itu selepas semua kepemimpinan Kerajaan Negeri sebelum ini mengisytiharkan harta masing-masing secara telus, integriti dan terbuka untuk disemak oleh rakyat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, undang-undang pencegahan pada amalan ‘rasuah politik’ itu akan dikemukakan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang selepas menerima kata sepakat daripada kepemimpinan Pakatan Rakyat (PR) negeri.

“Pindaan ini bersejarah kerana buat pertama kali dilakukan di Pulau Pinang demi mengharamkan tindakan lompat parti untuk kepentingan peribadi, baik dalam bentuk wang (rasuah) atau bukan wang.

“(Pindaan) ini juga sebenarnya untuk mendaulatkan integriti dan akauntabiliti politik,” ujar beliau di sini baru-baru ini.

Berucap pada majlis Jamuan Hari Raya Puasa serta wacana mengenai undang-undang tersebut, beliau berkata, hasrat demokratik Kerajaan Negeri turut disokong Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Ketua Umum PR merangkap Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia.

Malah, katanya lagi, undang-undang baru itu sebenarnya tidaklah mencabuli kebebasan bersuara atau kebebasan berpersatuan sebagaimana yang didalih oleh pembangkang Pulau Pinang.

“Seseorang Ahli Parlimen atau ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) dipilih atas tiket parti tertentu.

“Maka, apabila dia lompat parti, dia wajib untuk melepaskan jawatan yang disandang itu lalu mendapatkan semula mandat rakyat melalui pilihanraya, tidak kiralah sama ada keputusan dia lompat parti itu betul atau salah,” jelas beliau.

Sebelum pada itu, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman selaku Pengerusi PKR Pulau Pinang, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas merangkap Pengerusi DAP Pulau Pinang) dan Datuk Mohd. Salleh Man (ADUN Permatang Pasir merangkap Pesuruhjaya PAS Pulau Pinang) masing-masing menyatakan pendirian bersetuju dengan hasrat Kerajaan Negeri melaksanakan undang-undang pencegahan itu.

Selain Speaker DUN Pulau Pinang, Datuk Abdul Halim Hussain dan Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), hampir kesemua Exco Kerajaan Negeri dan ADUN turut hadir dalam majlis wacana itu.

Sejak Ogos lalu, Guan Eng menerima kritikan daripada beberapa pemimpin Barisan Nasional ekoran mencadangkan “undang-undang pencegahan” tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Abdul Aziz (Ahli Parlimen UMNO dari Padang Rengas) dilaporkan berdalih, semua wakil rakyat sepatutnya diberi kebebasan untuk memilih mana-mana parti.

Guan Eng dalam reaksi spontan berkata, undang-undang pencegahan itu perlu supaya insiden dakwaan kudeta Kerajaan Negeri Perak pada 5 Februari 2009 yang dikatakan berpunca oleh tiga ADUN Pakatan Rakyat ‘lompat parti’ tidak berulang di Pulau Pinang selepas Pilihanraya Umum Ke-13 (PRU13) kelak.

Mereka, Jamaluddin Mat Radzi (ADUN PKR dari Behrang), Mohd. Osman Jailu (ADUN PKR dari Changkat Jering) dan Hee Yit Foong (ADUN DAP dari Jelapang merangkap Timbalan Speaker DUN Perak).

# MPPP digesa pantau peniaga haram Padang Kota Lama

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PENGKALAN KOTA -** Pengerusi Persatuan Peniaga Medan Renong, Padang Kota Lama menggesa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) supaya menjalankan operasi dari semasa ke semasa bagi memantau kegiatan peniaga-peniaga haram yang mengambil kesempatan menjalankan perniagaan di sekitar sini.

Pengerusinya, Mohamed Hussain Mohd. Sheriff berkata, walaupun tidak ‘suka’ dengan tindakan MPPP memindahkan para peniaga ke Medan Selera Renong pada 1 September 2003, mereka (para peniaga) akur dengan arahan terbabit.

“Walaupun perniagaan agak perlahan pada peringkat permulaan ekoran lokasi yang agak terpencil, namun, selepas lima enam tahun, perniagaan adalah semakin baik.

“Namun, kini perniagaan terjejas teruk ekoran tindakan peniaga-peniaga yang sebahagiannya adalah warga asing berniaga secara haram di luar medan selera,’’ katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.




**MOHAMED Hussain Mohd. Sheriff (berkopiah) bersama-sama peniaga Medan Selera Renong pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Isu peniaga Medan Selera Renong memperoleh perhatian apabila kumpulan peniaga haram mengadakan demonstrasi berhubung tindakan MPPP menghalang pihak berkenaan menjalankan perniagaan di lokasi tersebut.

Peniaga asal Medan Selera Renong merupakan anak jati negeri yang menjalankan perniagaan sejak tahun 1960-an.

Tambah Mohamed Hussain, beliau serta para peniaga di sini membayar sewa antara RM128 hingga RM138 (bergantung kepada jenis perniagaan) kepada pihak Majlis setiap bulan.

“Ambil tindakan jika mereka ingkar. Kalau tidak boleh berniaga di luar, letakkan papan tanda dan sebagainya.

“Jika nak bagi kebenaran, kami pun nak berniaga di luar dan sila beri kebenaran dan keutamaan lesen kepada kami dahulu,’’ tegas beliau.

Lanjutan itu, beliau turut menuntut jaminan MPPP sebelum ini bahawa tidak akan ada peniaga haram di kawasan tersebut ketika proses perpindahan yang berlangsung sembilan tahun lalu.

# Polemik Melayu Pulau Pinang

**SERAMBI** *Penang Institute* kali ini membawa kalian meneliti ucapan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Zairil Khir Johari bersempena penganjuran Forum Nusantara Siri Ke-6 berjudul, “55 tahun kemerdekaan: Ke arah mana Melayu Pulau Pinang?”.

**Ucapnya,**

Dalam forum-forum yang lepas, kami telah banyak menelusuri riwayat negeri Pulau Pinang sebagai pusat fikrah dan pencerahan minda yang boleh dianggap terkehadapan pada zamannya. Begitu suburnya tanah negeri ini sehingga ramai para cendekia dan pemikir Melayu, khususnya tokoh-tokoh kaum muda dan pelopor-pelopor gerakan reformis Islam, telah menjadikan Pulau Pinang sebagai pangkalan mereka.

Ramai di antara mereka asalnya bukan anak negeri, namun tertariknya mereka ke Pulau Mutiara ini adalah kerana ruang kebebasan dan suasana penuh saingan yang sangat memberangsangkan. Seperti yang sedia maklum, Pulau Pinang merupakan negeri yang bertradisi majmuk di mana penduduk majoritinya bukan Melayu. Pun begitu, suasana sedemikian tidak menjadi halangan, malah mereka lagi berjaya dan berkembang maju.

Saya rasa kejayaan mereka mempunyai dua faktor utama. Pertamanya, disebabkan pasaran bebas dan suasana persaingan yang wujud di negeri pelabuhan entrepot ini, maka wajiblah mereka menonjolkan keupayaan dan daya usaha yang lebih tinggi. Dalam erti kata lain, persaingan tidak menjadi masalah malah menggalakkan dinamisme dan semangat kecemerlangan di kalangan mereka.

Keduanya, Pulau Pinang sebagai Negeri Selat yang bebas daripada sistem feudal tempatan, menyediakan ruang yang lebih luas berbanding dengan negeri-negeri lain. Barangkali kerana cengkaman pihak berkuasa ke atas sistem sosial Melayu tidak begitu terserlah, maka gagasan kebudayaan yang diutarakan pada zaman itu dapat mencerminkan idea-idea yang lebih progresif dan reformis.

Akan tetapi, jika daya maju yang diuar-uarkan ini menjadi kelumrahan Melayu Pulau Pinang pada suatu ketika dahulu, apakah yang telah terjadi sehingga persoalan kemajuan masyarakat yang sama pada hari ini sudah menjadi isu yang begitu menimbulkan kontroversi? Kemanakah perginya semangat dinamis dan daya maju, yang tampaknya sudah diganti pula dengan sikap ketidakyakinan dan mentaliti terkepung?

Saban hari, polemik Melayu Pulau Pinang ini seringkali menjadi bahan tumpuan dalam akhbar-akhbar kebangsaan. Mengapakah begitu? Mungkin kerana Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri Semenanjung di mana Melayu masih lagi menjadi minoriti dari segi politik. Walaupun dari segi demografi populasi Melayu kian meningkat, kebanyakannya masih muda dan berada dalam lingkungan umur bawah 20 tahun.

"Ujian tersebut adalah untuk membantu mengesan jangkitan pada tahap awal dan mengurangkan risiko jangkitan yang secara tidak langsung turut meningkatkan keyakinan umum berhubung keselamatan bekalan darah," jelas beliau.

# Pensijilan PGC untuk Pejabat Hijau

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Bagi mewujudkan tahap rendah karbon, hijau, bersih dan persekitaran yang sihat bekerja di pejabat, *Penang Green Council* (PGC) melalui PGC Strategies Sdn. Bhd. melancarkan Projek Pejabat Hijau bersempena penganjuran *Penang Green Expo 2012* di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow pada majlis sidang media menyatakan bahawa, objektif penganjuran tersebut adalah untuk menyokong visi Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang hijau, bersih, sihat dan selamat dengan mengamalkan konsep 'Pejabat Hijau'.

"Objektif skim pensijilan PGC adalah untuk penyokong hasrat dan visi Kerajaan Negeri dengan mengamalkan konsep 'Pejabat Hijau' melalui pendidikan dan pelaksanaan inisiatif hijau di pejabat.

"Sebuah jawatankuasa merancang dan melaksana projek telah ditubuhkan. Sebanyak lapan kriteria akan dinilai. Pejabat yang telah diperakui akan diberikan plak dan sijil perakuan pada April 2013 sempena Hari Alam Sekitar Sedunia kelak," ujarnya.

Hadir sama, Pengarah PGC selaku Pengerusi Komuniti Projek Pejabat Hijau, Pat Chung, Pengurus Besar PGC dan Thing Siew Shuen.

Dalam pada itu, Pat berkata, projek tersebut bakal melahirkan masyarakat yang mempunyai tanggungjawab sosial, menggalakkan perubahan tingkahlaku dan minda. Justeru, kita (PGC) mengalu-alukan mana-mana syarikat yang berminat untuk turut serta di dalam projek ini.

"PGC bersama penaja utama, *Kinoca Minolta* dan *Tetra Pak* menyediakan 1,000 kit permulaan percuma untuk diedarkan kepada wakil-wakil syarikat yang berminat untuk turut serta," jelas Pat.




**CHOW Kon Yeow (duduk, tengah) menunjukkan poster projek Pejabat Hijau kepada Pat Chung (duduk, kiri sekali) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**


## Jawatan kosong
## Eksekutif Projek & Program PGC

***Responsibilities:***

- *Deal with private and public agencies to ensure projects are delivered on time and within budget.*
- *Deal with all aspects of projects and programs including planning, management and fund-raising.*

*Required Skills and Experience:*

- *Bachelor's Degree or equivalent in environmental science, social sciences, management or related experiences.*
- *Interested in environment and sustainable development issues*
- *Interested in working with different types of communities.*
- *Good writing, communication and problem solving skills*
- *Must be resourceful, diligent, responsible, self-motivated and able to work under minimum supervision.*
- *Must be able to organise, plan and meet deadlines*
- *Computer literate (Word/ Excel/ Powerpoint etc)*

*Application Deadline : 15 October 2012 Please email your cover letter and resume to info@pgc.com.my, only shortlisted candidates will be notified. Penang Green Council (PGC Strategies Sdn Bhd) : 6505112, Website: www.pgc.com.my*


# 180 pokok teduhan ditanam di Jalan Datok Keramat

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini melancarkan Projek Menghijaukan Bandar di Jalan Datok Keramat, di sini.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, sebanyak 180 pokok teduhan jenis *Nees (Neolitsea Zeylanica Mer), Star Apple (Chrysophyllum Cainito), Salam (Syzygium Polyanthum)* dan Penaga Lilin *(Messua Ferrea)* akan ditanam di sepanjang 1.4 kilometer jalan tersebut.

Itu, tidak termasuk kira-kira 10,000 pokok renek *(Acalypha Siamensis)* yang ditanam di antara jalan dua hala berkenaan.

"Kos penanaman pokok kira-kira RM163,675.28 (manakala) kerja-kerja kejuruteraan (menelan) kos RM160,560.00.

"Kita percaya ini suatu usaha untuk generasi akan datang sepertimana generasi kita di sini mendapat teduhan pokok-pokok yang ditanam oleh generasi lepas," ujar beliau di Jalan Datok Keramat, di sini.

Dua Ahli Majlis MPPP, Teh Lai Heng dan Ong Ah Teong serta Mohamed Akbar Mustafa (Pengarah Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa MPPP) turut serta dalam majlis tersebut.

Kon Yeow berkata, rancangan menghijaukan Jalan Datok Keramat itu disasarkan siap pada Disember depan.

Sebelum itu, Kon Yeow, Lai Heng, Ah Teong dan Mohamed Akbar masing-masing menyempurnakan gimik kempen menghijaukan jalan tersebut dengan menanam serta menyiram pokok Penaga Lilin.

Tahun lepas, MPPP melancarkan projek menghijaukan jalan di Lebuh Carnarvon dan sebahagian jalan di Pengkalan Weld.

Inisiatif menghijaukan bandar itu adalah demi merealisasikan kempen "Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat" yang dihasratkan oleh Kerajaan Negeri.



**CHOW Kon Yeow (kiri sekali) menyempurnakan gimik menanam dan menyiram pokok Penaga Lilin di Jalan Datok Keramat sambil diperhatikan Ong Ah Teong (tengah) dan Teh Lai Heng.**

# *Komtar Tower Run* tarik peserta luar & dalam negara

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Buat tahun keempat, penganjuran pertandingan *Komtar Tower Run* bagi menawan menara 60 tingkat (232 meter) yang menjadi mercu tanda negeri Pulau Pinang berjaya memikat 1,097 penyertaan dari dalam dan juga luar negara pada tahun ini.

Pelajar Sekolah Menengah Mutiara Impian, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan (SPS), Norsuziana Shukri yang muncul sebagai juara kategori *Junior* (wanita) ketika ditemui Buletin Mutiara tidak menyangka penyertaaan sulungnya membuahkan hasil.

"Ini merupakan kali pertama saya menyertai pertandingan ini dan tidak sangka saya sampai ke tahap ini dengan catatan masa 20:25 saat.

"Saya sangat gembira dan akan belanja keluarga saya dengan hadiah yang dimenangi," katanya di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Calvin Boon yang memenangi kategori *Junior* (lelaki) berjaya mencatatkan 13:07 saat.

Beliau merupakan juara bertahan bagi tiga tahun berturut-turut.

Kedua-dua pemenang tersebut menerima hadiah wang tunai bernilai RM500 berserta pingat emas.

Bagi Kategori Lelaki Terbuka dimenangi oleh R. Ruburn Kumar dengan catatan masa 12:46 saat, manakala, Esther Karimi (kategori Wanita Terbuka) 15:18 saat.

Kedua-dua johan tersebut membawa pulang wang tunai RM1,000 berserta pingat emas.



KETUA Menteri bergambar kenang-kenangan bersama-sama pemenang *Komtar Tower Run 2012* di sini baru-baru ini.

# Bersama WCC perjuang hak wanita & kanak-kanak

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yakin bahawa penubuhan Pusat Kesedaran Wanita atau *Woman's Centre for Change* (WCC) bukan sahaja membentuk masyarakat bebas keganasan domestik tetapi juga mampu melahirkan generasi wanita dan kanak-kanak yang mempunyai semangat juang luar biasa.



BARISAN jemputan khas yang hadir pada Majlis Perasmian Bangunan Baru WCC di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Bangunan Baru WCC di sini baru-baru ini.

Katanya, beliau kagum dengan kesungguhan WCC selama 27 tahun penubuhannya dalam memperjuangkan hak wanita dan kanak-kanak di Malaysia.

"Tanpa kesungguhan dan inisiatif mereka pasti tidak akan wujud sebuah organisasi lantang membantu wanita dan kanak-kanak yang tertindas," ucapnya.

Tambahnya, saban hari, paparan berita di dada akhbar mengenai kes-kes seperti keganasan domestik, rogol, penderaan seksual terhadap kanak-kanak dan kes-kes kematian akibat penderaan adalah amat meruncing dan membimbangkan.

"Walaupun adanya WCC, masyarakat setempat juga harus memainkan peranan bagi membendung kes-kes penderaan dan seumpamanya.

"Di sinilah perlunya perkongsian berkesan antara kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan orang awam dalam melaksanakan dasar-dasar yang lebih baik," ujarnya.

Dalam pada itu, Guan Eng turut menyeru rakyat Pulau Pinang untuk memberi kerjasama kepada WCC dalam menjadikannya badan advokasi yang berjuang dalam memastikan masyarakat umum bebas keganasan.

Sejak 2009, di bawah Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti geran tahunan berjumlah RM150,000 disediakan bagi menguruskan WCC di Seberang Perai.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) juga giat melaksanakan program-program pendidikan dan kesedaran bagi membuka ruang kepada mangsa-mangsa dera serta rogol tampil memberi keterangan. Sehingga hari ini, lebih daripada 1,000 aduan diterima setiap tahun melalui penyediaan kaunseling secara atas talian WCC.



IBU-ibu yang turut serta dalam program penyusuan beramai-ramai selama 1 minit bersempena penganjuran Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2012 di sini baru-baru ini.

# P. Pinang ke arah mesra penyusuan susu ibu

**BAYAN BARU** – Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Ong Kok Fooi menyatakan bahawa ibu-ibu yang menyusukan bayi mereka secara efektif bukan sahaja mampu mencegah kematian di peringkat neonatal (bayi yang berusia bawah satu bulan), malah, juga mampu memberi nutrien diperlukan.

Katanya, susu ibu merupakan pemakanan asas dan optimum bagi bayi, ibu sewajarnya tahu akan kepentingan, hak serta sokongan berkaitan penyusuan susu ibu.

"Penyusuan kini dianggap sebagai ketinggalan zaman dan sering dipandang enteng. Namun, kandungan susu ibu jauh lebih baik jika dibandingkan susu formula bayi yang terdapat di pasaran.

"Justeru, maklumat tentang tatacara penyusuan yang betul adalah perlu terutama kepada ibu-ibu muda berkerjaya.

"Persekitaran penyusuan juga harus ditingkatkan bagi memberi keselesaan kepada ibu dan bayi," ujarnya ketika merasmikan sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2012 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah *The World Alliance for Breastfeeding Action (WABA) Pulau Pinang, Sarah Amin; Pengerusi Mother-to-Mother Peer Support (MMPS),* Deborah Lee; Koordinator Projek *'Make Penang Breastfeeding Friendly',* Connie Mooi, wakil-wakil dari WABA, wakil-wakil MMPS dan wakil-wakil media tempatan.

Bersempena sambutan tersebut, pelbagai aktiviti turut dijalankan antaranya, penyususan beramai-ramai oleh pasangan ibu dan bayi selama 1 minit, cabutan bertuah, permainan interaktif, pertandingan bayi cergas dan cerdas, pertandingan ibu bapa dan bayi serasi serta pelbagai lagi.

Bertemakan *'Understanding the Past, Planning for the Future'*, sambutan tahun ini bukan sahaja memberi penekanan kepada generasi muda berkenaan penyusuan susu ibu, malah, juga bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri Mesra Penyusuan Susu Ibu *(Make Penang Breastfeeding Friendly)*.

# Tidak melancong komited jaga kambing peliharaan



ARSHAT Said dan Che Embun Omar.

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**KESERONOKAN** membantu orang tua menjaga haiwan ternakan pada zaman kanak-kanak menjadi pendorong kepada Arshat Said, 56, untuk muncul sebagai salah seorang penternak kambing berjaya kini.

Bermula dengan hanya 10 ekor kambing dibeli daripada rakan menerusi wang pinjaman, Arshat mengambil inisiatif membiak sendiri baka-baka kambingnya bagi menambah bilangan sedia ada.

Malah, atas kesungguhan beliau, wang hasil pulangan jualan padi turut digunakan untuk tujuan berkenaan.

Tujuh tahun membanting tulang, jumlah bilangan kambing ternakan Arshat pernah mencecah 100 ekor. Namun, ekoran harga dedak yang kian meningkat, beliau terpaksa mengurangkan jumlah bilangan ternakan kepada 38 ekor kini.

Bagi Arshat, walaupun penat dan perlu komited dengan rutin hariannya, beliau seronok melakukannya.

"Walaupun kita nampak ia bebas berkeliaran di merata tempat, kambing lazimnya merupakan haiwan ternakan yang sensitif dan memerlukan penjagaan rapi.

"Contohnya, kalau diserang cirit-birit, kambing tersebut hanya mampu bertahan selama dua hari sekiranya tidak dirawat dengan rapi,'' jelasnya kepada Buletin Mutiara (BM) dalam temubual khas di kediamannya di Kampung 20 Tepi Laut Pasir Gebu, Penaga, Seberang Perai Utara (SPU) baru-baru ini.

Arshat menjelaskan, bagi mempelbagaikan jenis ternakan, beliau sebelum ini pernah menternak lembu susu. Namun, ekoran kos penjagaan serta makanan terlalu tinggi dan tidak memadai dengan jumlah hasil diperoleh, ia terpaksa dihentikan.

Begitu juga dengan ternakan kambing jenis *boer* yang 'manja' dan memerlukan penjagaan amat rapi berbanding spesis tempatan.

Semua kambing ternakan Arshat dikurung di dalam kandang berkeluasan 70 kaki panjang dan 20 kaki lebar. Umumnya, kandang yang mampu memuatkan 100 ekor kambing pada satu-satu masa itu perlu dibersihkan sekali dalam tempoh seminggu.

"Disebabkan harga dedak yang mahal, kambing-kambing ternakan hanya diberi makan dedak sekali sehari sahaja. Pada waktu petang, ia dilepaskan bebas untuk makan rumput di kawasan sekitar rumah,'' nyatanya sambil menjelaskan bahawa kambing yang bebas adalah lebih 'cantik' kualitinya.



ARSHAT Said meninjau kebersihan kandang kambing beliau.

Ketika ditanya mengenai persaingan, Arshat menyatakan bahawa faktor tersebut tidak pernah menjadi cabaran perusahaannya kerana pasaran permintaan adalah jauh lebih tinggi.

"Pasaran daging kambing sentiasa ada. Malah, tidak mencukupi dengan bekalan sedia ada.

"Bekalan daging kambing saya hanya cukup untuk memenuhi pasaran kedai-kedai makan tempatan. Sekiranya di musim perayaan terutamanya Hari Raya, permintaan banyak meningkat dan tidak cukup," ujar beliau.

Selain dijual daging, kambing-kambing diternak turut dijual dengan cara timbang hidup tanpa mengira usia sebaliknya saiz adalah lebih diutamakan.

Ketika sesi temubual sedang rancak diadakan, isteri Arshat, Che Embun Omar, 49, mencelah sambil menyatakan bahawa perusahaan tersebut secara tidak langsung 'memaksa' suaminya untuk sentiasa berada di rumah.

"Nak berjalan pun tidak boleh lama kerana sayangkan kambing,'' seloroh ibu kepada enam cahaya mata itu.

Bagi perancangan masa depan, Arshat yang juga seorang nelayan berharap bahawa beliau dapat menambah jumlah kambing sedia ada dengan baka yang lebih baik.

**BAGI TEMPAHAN :**

**012 – 441 9245**



ANTARA kambing peliharaan Arshat Said.



ARSHAT Said memberi makan kambing peliharaannya.

# ‘Pilihan raya Kerajaan Tempatan untungkan rakyat setempat’ - Steven Sim

**NAMANYA** mula menjadi perhatian apabila menjadi salah seorang daripada dua anak Malaysia dinobatkan sebagai ‘*Youth Global Leader*’ oleh *World Economic Forum* pada awal tahun ini.

Pengalaman memimpin gerakan mahasiswa di kampus Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hampir sedekad lepas diakui menjadi bekal yang berharga buat **Steven Sim Chee Keong**, 30.

Chee Keong atau lebih selesa dengan panggilan Steven, sekarang diberi kepercayaan sebagai Pegawai Eksekutif Kanan di *Penang Institute* (PI) merangkap Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Stevan semasa diinterbiu wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** berkata, beliau komited merealisasikan impian rakyat untuk mengembalikan semula sistem pilihanraya kerajaan tempatan secara demokratik.

“Statusnya (MPSP) dianggap sebagai sebuah jabatan di bawah kerajaan (negeri) sahaja walaupun ia sepatutnya adalah sebuah kerajaan tempatan yang dipilih oleh rakyat setempat melalui proses pilihanraya kerajaan tempatan secara demokratik, bersih dan sihat.

“Kerana terlalu lama PBT (pihak berkuasa tempatan) dipilih melalui proses lantikan, kesedaran dan kebersamaan orang awam dengan kerajaan tempatan ini sangat rendah.

“Segala polisi yang dibincang sesama Ahli Majlis tidak secara meluas disebabkan tiada ‘partisipasi demokrasi’ secara langsung daripada orang awam.

“Untuk mengembalikan semula rasa kebersamaan antara PBT dan rakyat setempat ini, saya berkongsi impian yang sama dengan kepemimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, iaitu mengembalikan semula hak membentuk PBT kepada rakyat melalui sistem pilihan raya yang demokratik,” ujar beliau.

Beliau berkata, rakyat sepatutnya cakna dengan hal ehwal pentadbiran yang dimusyawarahkan dalam mesyuarat PBT sebagaimana mereka cakna dengan perbentangan bajet di DUN (Dewan Undangan Negeri) Pulau Pinang serta di Parlimen.

“Berapa orang sedar mengenai bajet diluluskan di peringkat Kerajaan Tempatan, berapa wang rakyat dibelanjakan dan polisi-polisi perbandaran yang diluluskan walaupun pihak berkuasa ini sebenarnya menerima cukai daripada rakyat setempat,” soal beliau.

## PENTADBIRAN ‘BAWAH KE ATAS’

Menurut beliau, MPSP sendiri sejak perubahan kuasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 8 Mac 2008 sedang berusaha untuk mengurangkan amalan pentadbiran satu hala, iaitu kepemimpinan sahaja yang menentukan pelan perbandaran di Seberang Perai tanpa partisipasi meluas daripada rakyat setempat.

“Sama ada di peringkat pusat atau Kerajaan Negeri, semua rakyat boleh mengundi dan ubah kepemimpinan sekiranya tidak berpuas hati. Tapi, di peringkat majlis, semua itu tidak ada kerana tiada sistem pilihanraya peringkat kerajaan tempatan.

“Hampir setiap minggu, PBT meluluskan pelan perancangan perumahan umpamanya tanpa mendapat reaksi masyarakat setempat secara dua hala terlebih dahulu.

“Jika tidak puas hati dengan mana-mana Ahli Majlis atau saya umpamanya, rakyat tidak mempunyai kuasa untuk memilih seseorang yang lebih baik untuk mentadbir PBT sebab tiada pilihanraya kerajaan tempatan.

“Rakyat atau pelanggan juga hampir tiada suara untuk menentukan pelan perbandaran yang dipersetujui atau dipertikai kerana tiada perasaan kebersamaan ini dan mekanisme pilihanraya.

“Sungguhpun hasrat menguatkuasa Akta Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang dan Seberang Perai) masih menerima reaksi berbeza daripada (kerajaan) pusat, dalam beberapa mesyuarat di peringkat majlis (MPSP) sekarang, kita (MPSP) sudah mula menjemput semua pihak berwajib seperti seperti NGO (badan bukan kerajaan), persatuan rukun tetangga, JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) dan sebagainya sebagai langkah permulaan,” jelas Steven.



STEVEN Sim Chee Keong menunjukkan aplikasi aduan mudah *“Better Penang”* yang diperkenalkan MPSP.

## TIGA CONTOH POLISI BARU

Kepemimpinan baru MPSP sungguhpun dikatakan mengamalkan urus tadbir secara Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT), namun turut digambarkan tidak mengetengahkan sebarang polisi perbandaran yang dinamik serta memberi manfaat lebih kepada rakyat.

Steven berkata, beliau kurang bersetuju dengan telahan itu sambil menyatakan tiga contoh pembaharuan yang dilakukan oleh MPSP.

“Perubahan polisi pengurusan MPSP melalui CAT antaranya adalah kita (MPSP) berjaya melangsaikan RM230 defisit hutang MPSP yang ditinggalkan selama tujuh tahun oleh kerajaan lama (era Barisan Nasional).

“Urus tadbir CAT ini membolehkan MPSP mendapat surplas (lebihan kewangan) serta mampu mewujudkan peluang pekerjaan pada warga setempat,” ujar beliau.

Pertama, beliau berkata, MPSP berjaya menyediakan 1,000 peluang pekerjaan kepada penduduk setempat disebabkan menstruktur semula bahagian pengurusan dengan mengurangkan ‘penswastaan pengurusan’ majlis.

Kedua, tambahnya, MPSP sejak Februari tahun lepas telah melaksanakan “Bajet Responsif Gender’ sebagai salah satu pelantar ujian pada polisi perbandaran baru.

“Perbelanjaan mesti berasaskan kepada keperluan sebenar semua peringkat seperti membina tandas awam lebih untuk wanita daripada lelaki pada satu-satu tempat disebabkan keperluan wanita di tempat itu lebih ramai dari lelaki.

“Satu-satu dasar dibuat berdasarkan keperluan yang adil dan sensitif gender, bukan umpama kamu ada lima biji epal, maka, saya pun mesti mempunyai lima biji epal, ujar beliau.

Ketiga, beliau berkata, MPSP baru melanjarkan aplikasi telefon mudah alih bernama “*Better Penang*” bagi memudahkan aduan bukan kecemasan dibuat oleh penduduk setempat untuk tindakan lanjut pihak majlis berwajib.

“Apabila orang awam ternampak aktiviti longgokan sampah secara haram umpamanya, mereka hanya perlu tangap gambar, tagkan lokasi dan hantar ke aplikasi yang disediakan dan ia akan dinaikkan dalam *facebook* (kendalian) ‘*Watch Penang*’ untuk tindakan susulan serta pemantauan oleh pelanggan sendiri.

“(Polisi) platfom lama, jika saya buat aduan, maka saya seorang sahaja yang tahu. Tetapi, apabila aduan ini dipaparkan secara terbuka, maka semua orang boleh lihat dan pantau tindakan lanjut MPSP. Inilah yang dikatakan polisi integriti,” ujarnya.

## HARAPAN

Beliau berkata, semua pihak berwajib sepatutnya mengetepikan sentimen politik kerana hasrat melaksanakan pilihanraya kerajaan tempatan nyata menguntungkan rakyat Pulau Pinang.

“Pilihanraya bukannya satu-satunya jaminan untuk memastikan urus tadbir yang lebih baik kerana selepas 12 kali pilihanraya umum diadakan di negara ini, kita didedah mengenai amalan yang tidak demokratik di peringkat pusat.

“Tetapi, dengan pilihanraya, usaha memperbaiki kepemimpinan atau pentadbiran boleh dilakukan sedikit demi sedikit seperti yang dapat dilihat di Pulau Pinang sejak Mac 2008 sehingga sekarang.

“Sebab itu, pilihanraya kecil kerajaan tempatan diperlukan. Saya amat berharap kerajaan pusat akan mengetepikan perbezaan politik untuk mengambil peluang dengan begitu baik ini untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri (Pulau Pinang) bagi merealisasikan impian rakyat mengadakan Kerajaan Tempatan.

“Kerajaan pusat dan negeri perlu membina impian bersama, iaitu melahirkan suasana yang lebih demokratik dengan mengadakan pilihanraya kerajaan tempatan demi rakyat.”

# TPO Forum 2012 julang nama negeri



PARA jemputan khas memerhatikan reka bentuk visual yang 'dibalut' pada salah sebuah bas pada Majlis Pelancaran Program Publisiti *'Wrap Up Bus'* TPO Forum 2012 di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BAYAN BARU –** Bagi memperhebatkan promosi penganjuran *5th Tourism Promotion Organization for Asia Pasific Forum 2012* (TPO Forum 2012) yang berlangsung pada 17 hingga 20 September lalu, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mengambil inisiatif khas 'membalut' lapan buah bas di sini baru-baru ini.

Pelancaran inisiatif tersebut disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Pelancaran Program Publisiti '*Wrap Up Bus*' di sebuah pusat membeli-belah di sini.

Guan Eng berkata, penganjuran tersebut merupakan julung kali diadakan di dalam negara. Ini bermakna, Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang terpilih.

"Bersempena itu, seramai 27 bandar yang menjadi ahli *Tourism Promotion Organization For Asia Pacific* berada di Pulau Pinang.

"Turut difahamkan adalah seramai tujuh Datuk Bandar dan beberapa delegasi dari bandar yang menjadi ahli TPO akan berkampung di sini sepanjang berlangsungnya forum berkenaan," ujarnya pada Majlis Pelancaran Program Publisiti '*Wrap Up Bus*' TPO FORUM 2012 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail, Pengarah Rekreasi, Pelancongan Dan Perhubungan Antarabangsa MPPP, Mohamed Akbar Mustapha dan Ahli-ahli Majlis MPPP.

Tambah beliau, bersempena penganjuran tersebut, MPPP telah menyenaraikan beberapa program untuk disertai barisan delegasi yang hadir.

"Antaranya adalah Festival TPO di *Upper Penang Road*, Majlis Penanaman Pokok dan Perasmian TPO *Sculpture* di TPO *Friendship Park*, lawatan teknikal, Majlis Perasmian Graffiti Park di Taman Perbandaran dan *Declaration of the Green Initiatives in the World Heritage Sites* di *Friendship Park*.

"Diharap dengan penganjuran 5th TPO FORUM 2012 ini, Pulau Pinang akan menjadi destinasi terunggul di Malaysia dan rantau Asia Pasifik untuk program-program berbentuk MICE (*Meetings, Incentive, Conference and Exhibitions*) di masa akan datang," ujarnya.

# Taman Mini Balik Pulau direalisasikan




KETUA Menteri, Abdul Halim Hussain (tiga dari kiri), Patahiyah Ismail (empat dari kiri) dan Chow Kon Yeow (enam dari kiri) menunjukkan tanda bagus selepas selesainya Majlis Pelancaran Taman Mini Balik Pulau di sini baru-baru ini.

**BALIK PULAU –** Taman Mini Balik Pulau yang dilancarkan baru-baru ini bakal diperbesarkan bagi pembangunan interaktif dengan menempatkan pelbagai peralatan rekreasi untuk kemudahan penduduk setempat.

Pengarah Jabatan Rekreasi, Pelancongan dan Perhubungan Antarabangsa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Mohamed Akbar Mustapha berkata, kawasan seluas 958 meter persegi diperuntukan untuk pembangunan fasa dua yang dijangka bermula pertengahan tahun depan dan dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun sama ataupun pertengahan 2014.

"Pembangunan interaktif yang bakal melengkapkan kepelbagaian perlatan senaman, trek jogging dan taman permainan kanak-kanak merupakan projek fasa dua Taman Mini Balik Pulau.

"Ia akan dibangunkan bersebelahan dengan projek fasa satu (pembangunan pasif) membabitkan kawasan seluas 744 meter persegi yang dilancarkan baru-baru ini," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara pada Majlis Pelancaran Taman Mini Balik Pulau di sini.

Majlis tersebut disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng. Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Ahli Parlimen Balik Pulau, Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff dan Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail.

Taman Mini Balik Pulau merupakan taman rekreasi pertama di Pulau Pinang yang memiliki arca buah-buahan iaitu arca buah pala yang sinonim dengan Balik Pulau.

Guan Eng menjelaskan bahawa projek yang menalan belanja RM 190,000 di bawah peruntukan MPPP untuk program Pulau Pinang Bersih Hijau berjaya disiapkan dalam tempoh empat bulan.

Dalam pada itu, katanya, MPPP kini juga sedang giat menjalankan projek penghijauan Jalan Datok Keramat dengan penanaman 180 pokok teduhan, projek pengindahan *Protestant Cemetery* untuk dijadikan *'Park Like'*, projek penghijauan Lebuh Armenian dan Lebuh Acheh, pembinaan *'Pocket Park'* di Jalan Irrawadi yang bakal dilaksanakan pada tahun ini.



HAMIDAH Pak Wan Chik.

Sementara itu, bagi salah seorang penduduk, Hamidah Pak Wan Chik, 54, yang berasal dari Sungai Rusa di sini menyatakan bahawa beliau dan keluarga akan menggunakan kemudahan dibekalkan dengan sebaik mungkin.

"Daripada membiarkan tanah lapang bersemak samun, taman ini bukan hanya menceriakan Balik Pulau, malah, juga menjadi lokasi sesuai untuk penduduk setempat menjalankan aktiviti-aktiviti riadah.

"Diharap lebih banyak taman akan dibangunkan dengan penanaman pelbagai pokok buah-buahan tempatan seperti durian, rambutan dan buah pala akan diwujudkan," ujarnya.

# Lokasi strategik elak pembaziran

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Iszuree Ibrahim menyarankan supaya pertimbangan lebih serius diberikan dalam proses menyediakan keperluan astaka serta kompleks makanan lebih teratur, strategik dan boleh digunapakai pada masa akan datang.

Ini adalah kerana menurutnya, akibat ketidakcekapan dan perancangan yang sempurna menyebabkan aktiviti menjaja di tepi jalan secara tidak sah khususnya di kawasan Bayan Lepas di sini semakin meningkat.

"Secara tidak langsung, penjaja haram yang semakin meningkat saban hari turut meningkatkan kos MPPP apabila Jabatan Perlesenan terpaksa bekerja lebih masa bagi melakukan penguatkuasaan mencegah aktiviti penjaja haram yang kian sesak.

"Malah, kos memperbaiki dan menyediakan pengawal keselamatan untuk berkawal 24 jam di astaka atau kompleks makanan terbiar kosong yang mengalami pelbagai kerosakan akibat kegiatan vandalisme juga terpaksa ditanggung MPPP," ujarnya pada ucapan penangguhan Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Tambah Iszuree, bagi mengelakkan kerugian dan pembaziran yang terpaksa ditanggung MPPP, Jawatankuasa Perancang Pemajuan perlu memainkan peranan aktif dalam memastikan para pemaju menyediakan pusat penjaja lebih strategik.

"Pembinaan astaka dan kompleks makanan di kawasan yang tidak strategik menyebabkan tiada penjaja berminat untuk menjalankan perniagaan di kawasan berkenaan dan seterusnya menyebabkan kerugian pihak berkenaan," tegasnya.



**ISZUREE Ibrahim.**



**PARA peserta menunjukkan tanda bagus sebelum memulakan kayuhan CFAL 2012 di sini baru-baru ini.**

## CFAL tarik 3,000 peminat sukan berbasikal

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PENGKALAN KOTA –** Kira-kira 3,000 peminat sukan berbasikal dari dalam dan luar Pulau Pinang berkumpul bagi menjayakan penganjuran *Campaign For A Lane 2012 (CFAL 2012)* di sini baru-baru ini.

Selain mengumpul sumbangan untuk beberapa badan kebajikan, objektif penganjuran adalah bagi mewujudkan kesedaran umum terhadap keselamatan para penunggang basikal dan keperluan mewujudkan lorong-lorong basikal.

Bermula dari Padang Kota Lama, di sini, para peserta mengharungi perjalanan sejauh 82 kilometer melalui Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu - Batu Maung – Balik Pulau – Teluk Bahang dan kembali ke lokasi permulaan.

Tepat jam 7 pagi, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail melepaskan para peserta yang begitu bersemangat.

Guan Eng berkata, acara tersebut merupakan antara yang terbesar dianjurkan di sini membabitkan sukan berbasikal dan inisiatif berkenaan bertepatan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri mesra basikal.

Pada penghujung penganjuran, para peserta dihiburkan dengan persembahan tarian, cabutan bertuah dan jamuan makan tengah hari.



**TEOH Seang Hooi (depan, tiga dari kanan) bersama Pengetua SMK Methodist Nibong Tebal, Aini Mohamad Yacob (depan, empat dari kanan), para guru dan pelajar membuat adunan *mud ball* bersempena majlis pelancaran Bengkel *Mud Ball* di sini baru-baru ini.**

## Bengkel *Mud Ball* disemai di sekolah

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**NIBONG TEBAL –** Bagi membentuk tahap kesedaran cintakan bumi, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) terus komited mempromosikan program pembuatan *mud ball* di sini.

Terbaru, MPSP bekerjasama dengan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Methodist, Nibong Tebal bagi menganjurkan Bengkel *Mud Ball* kepada para pelajar sekolah berkenaan.

Ahli Majlis MPSP, Teoh Seang Hooi berharap kempen *mud ball* yang dianjurkan dapat 'menghidupkan' semula ikan-ikan dan hidupan air lain di dalam sungai.

"Kita hanya ada sebuah planet bumi yang kita mesti hargai kerana ia merupakan anugerah dari Tuhan," katanya ketika hadir pada Majlis Pelancaran Bengkel *Mud Ball* di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, MPSP menerima penyertaan dari 52 buah sekolah bagi projek Anugerah Sekolah Hijau anjuran Kerajaan Negeri dan projek *Zero Waste* (5 sekolah).

Sekolah-sekolah berkenaan bakal dinilai dan pemenang diumumkan pada bulan November ini.

*Mud ball* dihasilkan daripada campuran cecair EM *(Effective Microorganism)*, dedak dan tanah merah bagi membersihkan sungai, tasik dan laut daripada bahan kumbahan dan lendir.

# Adam perlu sokongan moral



MUHAMMAD Adam Qayyum.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SUNGAI DUA –** Orang ramai diseru tampil menghulurkan sebarang bentuk bantuan kepada adik Muhammad Adam Qayyum, 1, yang mengidap penyakit kulit kronik, *Ichthyosis* sejak lahir di Permatang Binjai, Telok Air Tawar di sini.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Dua, Zahadi Mohammad, Muhammad Adam bukan hanya memerlukan bantuan perubatan, malah, paling utama adalah sokongan moral daripada semua lapisan masyarakat.

"Sejak dilahirkan, bukan sahaja tubuh Muhammad Adam, bahkan setiap inci dari hujung kepada hingga kaki permukaan kulitnya menegang dan retak.

"Bagaimanapun, beliau (Muhammad Adam) masih aktif seperti kanak-kanak sebayanya," katanya ketika mengadakan lawatan ke rumahnya di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pengerusi Persatuan Kebajikan Pesakit *Ichthyosis*, Muhammad Firdaus Mehat.

Selain meninjau bentuk bantuan diperlukan, lawatan tersebut adalah bagi menyeru pesakit *Ichthyosis* supaya mendaftar sebagai ahli persatuan bagi mendapatkan sokongan secara berterusan pada aspek mental.

Tambah Zahadi, sebagai ahli masyarakat, adalah tidak wajar meminggirkan pesakit-pesakit *Ichthyosis* kerana penyakit genetik terbabit adalah tidak berjangkit.

Bagi mengetahui lebih lanjut mengenai Persatuan Kebajikan Pesakit *Ichthyosis,* sila hubungi Zahadi pada talian 019 - 507 3828.




KANAK-KANAK menyerbu Datuk Abdul Halim Hussain (berbaju batik) dan Sim Tze Tzin (berkemeja kotak) untuk mendapatkan duit raya masing-masing sempena Majlis Sambutan Rumah Terbuka KADUN Bayan Lepas di sini.

# Rumah terbuka platform beramah-mesra

**BAYAN LEPAS –** Kemeriahan bulan Syawal masih dirasai di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bayan Lepas apabila majlis rumah terbuka yang diadakan baru-baru ini memperoleh sambutan amat menggalakkan daripada penduduk setempat.

Pegawai Penyelarasnya, Asnah Hashim berkata, kemeriahan sambutan yang diadakan pada saat-saat akhir menunjukkan penerimaan rakyat Bayan Lepas kini lebih meluas tanpa melibatkan fahaman politik.

"Mereka hadir untuk sama-sama memeriahkan majlis sambutan dan beramah mesra untuk saling kenal mengenali tidak kiralah sama ada sesama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) ataupun tetangga," ujar Asnah kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Majlis yang diadakan di Dewan Orang Ramai Pagar Buluh berdekatan SRJK (C') Chong Cheng, Sungai Ara di sini turut dihadiri Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin; PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; Ahli-ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan ahli JKKK Sungai Ara.

# Kayuhan Hari Malaysia pupuk semangat patriotik




SALAH seorang peserta menerima hadiah cabutan bertuah daripada Halil Sabri Hamid (kanan) bersempena penganjuran Program Kayuhan Berbasikal di sini baru-baru ini.

**TELOK BAHANG –** Sempena sambutan Hari Malaysia pada 16 September lalu, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK), Halil Sabri Hamid mengambil inisiatif khas menganjurkan Program Kayuhan Berbasikal di sini.

Program terbuka kepada golongan kanak-kanak dan remaja tersebut diadakan bagi memupuk semangat patriotik dan kecintaan terhadap negara.

Menurut Halil, program berbentuk santai dan riadah itu diadakan di sekitar laluan desa melalui Kampung Jalan Bharu dan Kampung Titi Teras di sini.

"Selain menikmati suasana persekitaran yang hijau dan segar, peserta juga dapat beramah mesra dan mengeratkan ikatan silaturrahim sedia terjalin," kata Halil kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Bersempena itu, acara cabutan bertuah turut diadakan bagi memeriahkan penganjuran program.

# Pesakit strok mohon bantuan rawatan

**TELOK AIR TAWAR –** Prihatin dengan nasib seorang warga emas, Chew Goay Choo, 74, yang tidak mempunyai ahli keluarga terdekat dan mengidap penyakit angin ahmar, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Telok Air Tawar kini dalam usaha mendapatkan bantuan kewangan bagi rawatan bulanannya di sini.

PPK terbabit, Salehin Mohamed ketika melawat Goay Choo di kediamannya di Taman Telok Air Tawar di sini menyatakan bahawa beliau perlu menjalani rawatan secara bulanan di hospital.

"Kos rawatan angin ahmar adalah sangat tinggi dan rawatan pemulihan bagi pesakit mencecah sehingga RM100,000 setahun selain memerlukan tempoh masa yang panjang untuk pulih.

"Memandangkan beliau tidak mempunyai keluarga dan kini menetap di rumah jiran, kami (Pusat Khidmat PPK Telok Air Tawar) akan cuba bantu mendapatkan sumbangan atau bantuan kewangan bagi rawatan bulanannya," ujar Salehin yang hadir memberi bantuan peribadi kepada Goay Choo di sini baru-baru ini.

Sementara itu, dalam lawatan berasingan, Salehin turut menyumbangkan hamper keperluan makanan asas kepada warga emas, Bashah Hamid, 73, di Jalan Tunku Putra di sini.



**SALEHIN Mohamed (kiri sekali) ketika mengadakan kunjungan ke kediaman Chew Goay Choo (duduk) di Taman Telok Air Tawar di sini baru-baru ini.**

## 16 rumah terima sumbangan khas

**ZIARAH...** Bersempena sambutan Hari Malaysia baru-baru ini, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain berserta Skuad Prihatin mengadakan lawatan ke 16 buah rumah bagi menyampaikan sumbangan berupa wang tunai dan makanan asas seperti beras, gula serta minyak masak.

Sumbangan tersebut adalah dari Pusat Urus Zakat (PUZ)

Rosidi dalam pada itu melahirkan rasa syukur ekoran penerimaan memberangsangkan penduduk sekitar Kampung Pasir Gebu dan Permatang Keriang berhubung lawatan pasukan kerja beliau di sini.

"Alhamdulillah, kami sempat juga beramah mesra serta menyampaikan sumbangan khairat kematian kepada sebuah keluarga," katanya di sini baru-baru ini.




**ROSIDI Hussain (kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima di Kampung Pasir Gebu di sini baru-baru ini.**




**ASNAH HASHIM (kiri) menyampaikan sekampit beras kepada salah seorang penerima sumbangan di bawah program al-It'am di Teluk Kumbar di sini baru-baru ini.**

## Sumbangan beras untuk penduduk memerlukan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN LEPAS -** Dalam kesibukan menyambut Aidilfitri baru-baru ini, penduduk sekitar Teluk Kumbar yang kurang bernasib baik mampu tersenyum riang apabila menerima sumbangan beras daripada Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bayan Lepas, Asnah Hashim di sini.

Program al-It'am atau sumbangan beras merupakan program bulanan bantuan beras dan makanan asasi kepada penduduk di dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) yang kurang bernasib baik terutama mereka yang fakir dan miskin.

Menurut Asnah, program tersebut bukan sahaja mendapat kerjasama penuh daripada semua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) KADUN Bayan Lepas, malah, turut mendapat sambutan baik daripada penerima-penerima sumbangan.

"Program seumpama ini bukan sahaja menggalakkan kita mengingati mereka yang kurang bernasib baik, pada masa sama, juga mampu melahirkan rasa perikemanusiaan dan saling bantu-membantu antara insan," katanya di sini baru-baru ini.

Tambah Asnah, pelaksanaan program al-It'am yang diadakan baru-baru ini memberi kesempatan kepada beliau untuk beramah mesra dan saling kenal mengenali antara penduduk.

"Alhamdulillah, program tersebut berjalan lancar," ujar beliau yang turut berterima kasih kepada JKKK sekitar Teluk Kumbar yang turut serta bersama menyampaikan sumbangan baru-baru ini.

